مجليس بنداراي ڤتاليڠ جاي
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (42)**
**Tarikh: 11 September 2023**

## MAJLIS PERASMIAN EKSPO BUKU PETALING JAYA 2023 (PJBX2023)

EKSPO BUKU PETALING JAYA INI MERUPAKAN SALAH SATU ‘SIGNATURE EVENT’ PJ LEARNING CITY YANG DIADAKAN SETIAP TAHUN SEJAK 2019. EKSPO BUKU PETALING JAYA (PJBX) INI MERUPAKAN ANJURAN BERSAMA PERSATUAN PENERBIT MALAYSIA (MABOPA) YANG SENTIASA BERSAMA-SAMA MAJLIS BAGI PENGANJURAN PJBX INI.

TUAN AZNAN BIN HJ HASSAN, TIMBALAN DATUK BANDAR PETALING JAYA BERKATA, PADA TAHUN INI PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PETALING UTAMA TELAH MEMBERI KERJASAMA DAN KOMITMEN YANG PENUH DAN MEMBERI KEBENARAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH UNTUK MENYERTAI PELBAGAI SLOT AKTIVITI SEPANJANG PJBX DIANJURKAN.

PENGANJURAN PROGRAM SEUMPAMA INI JUGA MERUPAKAN AGENDA BAGI MEMARTABATKAN BUDAYA MEMBACA DI KALANGAN MASYARAKAT PETALING JAYA DARI PELBAGAI BANGSA DAN AGAMA. PJBX YANG TELAH BERMULA PADA 9 SEPTEMBER YANG LALU TELAH MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN DARI PENDUDUK PETALING JAYA.

SEJAK EKSPO INI DIMULAKAN PADA SABTU LALU, DIANGGARKAN SERAMAI 2,000 ORANG PENGUNJUNG TELAH HADIR UNTUK SAMA-SAMA MENDAPATKAN KOLEKSI BUKU ILMIAH, NOVEL, BUKU KANAK-KANAK, BUKU ULANGKAJI DAN SEBAGAINYA.

DI ARUS DIGITALISASI ZAMAN INI, SAYA MERASAKAN BAHAWA BUDAYA MEMBACA SECARA FIZIKAL MASIH LAGI RELEVAN UNTUK DITERAPKAN. PENGANJURAN EKSPO BUKU PETALING JAYA (PJBX2023) INI MEMBERI RUANG DAN PELUANG KEPADA SEMUA MASYARAKAT UNTUK MEMPEROLEHI BUKU-BUKU MENARIK SERTA BERKONGSI PANDANGAN, IDEA BAGI MENAMBAHBAIK LAGI ILMU PENGETAHUAN SECARA MELUAS.

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (42)**
**Tarikh: 11 September 2023**

BERLANDASKAN PRINSIP "NO ONE WILL BE LEFT BEHIND" PENGISIAN PROGRAM PADA TAHUN INI, TURUT MEMBERI PELUANG KEPADA GOLONGAN KURANG UPAYA (OKU). PADA MINGGU LALU TERDAPAT AKTIVITI MEWARNA PELBAGAI KATEGORI TERMASUK UNTUK GOLONGAN KURANG UPAYA INI.

MENURUT BELIAU LAGI PJBX KALI INI, KHUSUS BUAT GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA REMAJA, DISEDIAKAN SLOT *INCLUSIVE TALK* YANG MERUPAKAN KERJASAMA DARI PIHAK PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PETALING UTAMA KHAS (PPDU), PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI). SERAMAI 100 ORANG REMAJA YANG AKAN MENYERTAI SLOT INI DENGAN TUJUAN MEMBERI PENGETAHUAN DAN PENDEDAHAN HALA TUJU ANAK-ANAK INI SELEPAS TAMAT PERSEKOLAHAN DAN TERUS KE BIDANG KEMAHIRAN YANG BERSESUAIAN DENGAN MEREKA.

TAMBAH BELIAU LAGI, PENGUNJUNG JUGA BERPELUANG MENDAPATKAN BAUCAR RM10.00 BAGI PEMBELIAN RM20.00 KE ATAS. BAUCAR INI BOLEH DIPEROLEHI DI MEJA URUSETIA. UNTUK MAKLUMAN JUGA, YB TUAN LEE CHEAN CHUNG, AHLI PARLIMEN PETALING JAYA DAN AHLI-AHLI MAJLIS TELAH MEMBERIKAN SUMBANGAN BAUCAR BUKU INI.

PJBX PADA KALI INI DISERTAI OLEH 40 PENERBIT BUKU ANTARANYA PTS MEDIA, GRUP KARANGKRAF, IBDE DAN LAIN-LAIN. SEMUA BUKU-BUKU DIJUAL ADALAH TERBITAN TERKINI DAN SANGAT DINANTI-NANTIKAN OLEH PENDUDUK PETALING JAYA SEBAGAI BAHAN RUJUKAN DAN KOLEKSI BACAAN MASING-MASING.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.

مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (43)**
**Tarikh: 16 September 2023**

**MBPJ LANCAR PROGRAM WORLD CLEANUP DAY**

Bersempena hari *World Cleanup Day* atau Hari Kebersihan Dunia, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah dipilih sebagai salah satu lokasi pelancaran program pada tahun ini.

World cleanup day merupakan program sosial tahunan di seluruh dunia untuk memerangi krisis sisa pepejal yang tidak terurus dan telah menyebabkan pencemaran alam sekitar. Di Petaling Jaya, program ini telah mula dijalankan sejak tahun 2018 dan dijadikan program tahunan majlis.

Hasil daripada program yang diadakan pada hari ini, segala item yang dikutip akan dikumpulkan dan audit oleh pihak World Humanitarian Foundation bersama warga jabatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, yang mana hasil kutipan dimasukkan ke dalam sistem data collection oleh pihak (WHF).

Tahun ini pihak majlis telah mengenalpasti sebanyak 8 zon terlibat dan telah mendapat kerjasama daripada ahli-ahli majlis kawasan. Antara kawasan terlibat ialah di zon 1: Desa Rimba Riang Damansara Damai, zon 3: Flat Gugusan Dedap Seksyen 11 Kota Damansara, zon 4: Alissia Dan Atalia Ara Damansara, zon 6: SS 24, zon 7: Jalan 5 Kg. Sg. Kayu Ara, zon 15: Seksyen 3, zon 20: SS 3 dan SS 9a, dan zon 2: Kampung Sungai Kayu Ara.

Terdahulu, di zon 6 telah diadakan pada 14 September 2023 dan telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Di zon ini juga sedang berlangsungnya program *cash for trash* sehingga disember 2023 nanti.

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (43)**
**Tarikh: 16 September 2023**

Juga diadakan pada hari ini pelancaran info kit garis panduan "City Cleanup" Petaling Jaya. Dengan adanya info kit ini, MBPJ kini mempunyai garis panduan yang lengkap kepada semua sukarelawan di Petaling Jaya untuk melaksanakan aktiviti dan pelaporan World Cleanup Day dengan betul dan teratur.

Panduan di dalam info kit tersebut turut disediakan untuk kedua-dua mode pelaksanaan world cleanup day iaitu bersama agensi atau secara individu. Di dalam info kit ini juga turut dinyatakan kaedah pelaksanaan aktiviti pembersihan, audit sisa dan pelaporan, kaedah pelupusan sisa dan lain-lain.

Dengan adanya program world cleanup day petaling jaya ini dapat memberi pendekatan kepada penduduk dalam petaling jaya bahawa pembuangan sampah dengan betul itu bukan sahaja untuk menjaga alam sekitar tetapi juga boleh melakukan pengasingan sampah dengan kitar semula.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.

مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (44)**
**Tarikh: 19 September 2023**

**PEMAKLUMAN LECONGAN/PENUTUPAN JALAN SEPANJANG PENGANJURAN 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE 2023.**

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan program 1st Asia Pacific Youth Folklore Festival 2023 bermula pada 21 hingga 26 September 2023, bertempat di sekitar Seksyen 52 Pusat Bandar Petaling Jaya.

Sehubungan dengan itu, dimaklumakan beberapa jalan utama di sekitar seksyen 52 akan di TUTUP/di LENCONGKAN sepenuhnya kepada semua kenderaan bermula pada **22 September pukul 6.00 petang sehingga 25 September 2023 pukul 6.00 pagi. Penutupan/lencongan jalan melibatkan Jalan Yong Shook Lin, Seksyen 52, Jalan Rhu 7/1 dan Jalan Taman 7/6, Petaling Jaya. Manakala penutupan sementara melibatkan Jalan Tengah pada 24 September 2023 bermula pukul 8.00 malam hingga 1.00 pagi.** Sepanjang penutupan jalan-jalan ini, pengguna jalan raya dinasihatkan agar menggunakan jalan alternatif bagi menjamin kelancaran lalulintas di kawasan tersebut.

Kawasan letak kereta awam di hadapan Dewan Sivik juga akan ditutup kepada orang awam bermula **17 hingga 26 September 2023** bagi tujuan penganjuran program ini.

Orang awam yang hadir ke program ini diharapkan menggunakan tempat letak kereta di kawasan berikut:-

| Bil | Tempat Letak Kereta | Jumlah Parkir |
|---|---|---|
| 1. | On Street Parking (Percuma 23 dan 24 Sept 2023) | **735** |

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Kompleks C (Percuma 23 dan 24 Sept 2023) | **284** |
| 3. | Kompleks A (Percuma 23 dan 24 Sept 2023) | **422** |
| 4. | Menara Choy Fook Onn | **200** |
| 5. | Bangunan PKNS | **400** |
| **Jumlah** | | **2041** |

Untuk maklumat dan keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi urus setia program, Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, ditalian 03-7956 3544 sambungan 370/364.

Juga diadakan pada hari ini pelancaran info kit garis panduan “City Cleanup” Petaling Jaya. Dengan adanya info kit ini, MBPJ kini mempunyai garis panduan yang lengkap kepada semua sukarelawan di Petaling Jaya untuk melaksanakan aktiviti dan pelaporan World Cleanup Day dengan betul dan teratur.

Panduan di dalam info kit tersebut turut disediakan untuk kedua-dua mode pelaksanaan world cleanup day iaitu bersama agensi atau secara individu. Di dalam info kit ini juga turut dinyatakan kaedah pelaksanaan aktiviti pembersihan, audit sisa dan pelaporan, kaedah pelupusan sisa dan lain-lain.

Dengan adanya program world cleanup day petaling jaya ini dapat memberi pendekatan kepada penduduk dalam petaling jaya bahawa pembuangan sampah dengan betul itu bukan sahaja untuk menjaga alam sekitar tetapi juga boleh melakukan pengasingan sampah dengan kitar semula.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.

مجليس بنداراي ڤتاليڠ جاي
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (45)**
**Tarikh: 23 September 2023**

**PERASMIAN 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL 2023.**

Selaras dengan Pelan Strategik Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdaya Tahan 2023 (PJSSR 2030), Majlis Bandaraya Petaling Jaya sememangnya komited menjadikan bandaraya petaling jaya sebagai sebuah bandaraya yang inklusif dari aspek pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program termasuk yang berkaitan dengan pelancongan, seni dan budaya.

Pada tahun 2015 kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan bandaraya petaling jaya sebagai sebuah kota seni yang merupakan satu pencapaian atas usaha dan komitmen berterusan majlis bandaraya petaling jaya mempromosikan bandaraya petaling jaya sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa yang berteraskan kepada kelestarian seni dan budaya sejagat khususnya melalui penganjuran festival antarabangsa kesenian rakyat sejak tahun 2013 lagi.

Penganjuran festival antarabangsa kesenian rakyat ini telah diklasifikasikan sebagai Government To Government Cultural Project dan pada tahun 2018 telah diiktiraf sebagai International Cultural Exchange Programme oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Penganjuran pada tahun ini lebih istimewa dan merupakan satu detik bersejarah apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama International Council Of Organizations Of Folklore Festival And Folk Arts (CIOFF) Malaysia diberikan kepercayaan mewakili Negara Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran festival kesenian rakyat yang lebih

berprestij iaitu di peringkat asia pasifik atau dinamakan sebagai 1st Asia Pacific Youth Folklore Festival.

Selain daripada acara silang budaya penganjuran kali ini turut meletakkan batu asas baru apabila kepentingan elemen seni dan budaya secara lebih holistik khususnya kepada pembangunan sesebuah bandar turut dibincangkan dan dikupas oleh para profesional dan pengurusan tertinggi pihak berkuasa tempatan.

Acara berbentuk ilmiah seperti persidangan dan seminar akan meningkatkan lagi imej bandar-bandar di Malaysia khususnya petaling jaya sebagai sebuah kota seni dan pusat kesenian dan kebudayaan antarabangsa yang sentiasa memartabatkan elemen seni dan budaya di dalam pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan persekitaran ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan (SDG’S) dan Agenda Perbandaran Baru (NUA).

Penganjuran 1st Asia Pasific Youth Folklore Festival ini sudah pasti akan memberi impak kepada rantaian komponen industri pelancongan yang luas seperti sektor penerbangan, pengangkutan darat, penginapan, makan minum, pengiat seni kreatif, media, perbelanjaan runcit dan lain-lain.

Secara umumnya terdapat dua (2) jenis impak kitaran ekonomi penganjuran program seperti ini kepada industri pelancongan tempatan. pertama adalah perbelanjaan kerajaan iaitu kos-kos yang ditanggung oleh pihak penganjur melibatkan keperluan logistik, penginapan, pengangkutan, makan minum, promosi dan lain-lain.

Perbelanjaan kerajaan ini akan memberi manfaat dalam bentuk pendapatan kepada pihak syarikat atau kontraktor yang dilantik melalui proses sebutharga atau tender bagi membekal peralatan seperti set khemah, sistem audio visual, penginapan (hotel), pengusaha bas, makan minum (caterer), syarikat penyiaran radio, televisyen, akhbar dan lain-lain.

Kedua adalah perbelanjaan persendirian oleh peserta dan pengunjung mengikut acara yang disertai. ini termasuklah tiket penerbangan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan perbelanjaan runcit yang lain. Perbelanjaan ini juga akan memberi manfaat dalam bentuk pendapatan kepada pengusaha hotel, teksi, bas, restoran, kedai serbaneka, usahawan kraftangan dan lain-lain.

Pendapatan yang diperolehi dari penganjuran program ini baik dari perbelanjaan kerajaan atau perbelanjaan persendirian peserta dan pengunjung akan membantu pihak syarikat tempatan mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk menggaji pekerja dan menanggung kos operasi mereka serta meneruskan dan mengembangkan perniagaan masing-masing dalam industri pelancongan.

Syarikat-syarikat ini kemudiannya akan memberi sumbangan semula atau pendapatan balik kepada kerajaan dalam bentuk cukai taksiran, lesen perniagaan, cukai pendapatan, cukai perniagaan dan lain-lain.

Prestasi ekosistem perniagaan yang baik, stabil dan berkembang sudah pasti akan menggalakan pelaburan baru dalam industri pelancongan tempatan dan menyumbang kepada tambahan pendapatan akan datang kepada kerajaan.
Selain impak ekonomi, impak sosial juga penting dalam membentuk rasa cinta, bangga dan menghargai kepelbagaian dan keharmonian seni dan budaya di kalangan rakyat khususnya peringkat remaja lagi.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (46)**
**Tarikh: 24 September 2023**

**PENUTUP 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL 2023.**

Selaras dengan Pelan Strategik Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdaya Tahan 2023 (PJSSR 2030), Majlis Bandaraya Petaling Jaya sememangnya komited menjadikan bandaraya petaling jaya sebagai sebuah bandaraya yang inklusif dari aspek pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program termasuk yang berkaitan dengan pelancongan, seni dan budaya.

Pada tahun 2015 kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan bandaraya petaling jaya sebagai sebuah kota seni yang merupakan satu pencapaian atas usaha dan komitmen berterusan majlis bandaraya petaling jaya mempromosikan bandaraya petaling jaya sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa yang berteraskan kepada kelestarian seni dan budaya sejagat khususnya melalui penganjuran festival antarabangsa kesenian rakyat sejak tahun 2013 lagi.

Penganjuran festival antarabangsa kesenian rakyat ini telah diklasifikasikan sebagai Government To Government Cultural Project dan pada tahun 2018 telah diiktiraf sebagai International Cultural Exchange Programme oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Penganjuran pada tahun ini lebih istimewa dan merupakan satu detik bersejarah apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama International Council Of Organizations Of Folklore Festival And Folk Arts (CIOFF) Malaysia diberikan kepercayaan mewakili Negara Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran festival kesenian rakyat yang lebih

berprestij iaitu di peringkat asia pasifik atau dinamakan sebagai 1st Asia Pacific Youth Folklore Festival.

Selain daripada acara silang budaya penganjuran kali ini turut meletakkan batu asas baru apabila kepentingan elemen seni dan budaya secara lebih holistik khususnya kepada pembangunan sesebuah bandar turut dibincangkan dan dikupas oleh para profesional dan pengurusan tertinggi pihak berkuasa tempatan.

Acara berbentuk ilmiah seperti persidangan dan seminar akan meningkatkan lagi imej bandar-bandar di Malaysia khususnya petaling jaya sebagai sebuah kota seni dan pusat kesenian dan kebudayaan antarabangsa yang sentiasa memartabatkan elemen seni dan budaya di dalam pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan persekitaran ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan (SDG'S) dan Agenda Perbandaran Baru (NUA).

Penganjuran 1st Asia Pasific Youth Folklore Festival ini sudah pasti akan memberi impak kepada rantaian komponen industri pelancongan yang luas seperti sektor penerbangan, pengangkutan darat, penginapan, makan minum, pengiat seni kreatif, media, perbelanjaan runcit dan lain-lain.

Secara umumnya terdapat dua (2) jenis impak kitaran ekonomi penganjuran program seperti ini kepada industri pelancongan tempatan. pertama adalah perbelanjaan kerajaan iaitu kos-kos yang ditanggung oleh pihak penganjur melibatkan keperluan logistik, penginapan, pengangkutan, makan minum, promosi dan lain-lain.

Perbelanjaan kerajaan ini akan memberi manfaat dalam bentuk pendapatan kepada pihak syarikat atau kontraktor yang dilantik melalui proses sebutharga atau tender bagi membekal peralatan seperti set khemah, sistem audio visual, penginapan (hotel), pengusaha bas, makan minum (caterer), syarikat penyiaran radio, televisyen, akhbar dan lain-lain.

Kedua adalah perbelanjaan persendirian oleh peserta dan pengunjung mengikut acara yang disertai. ini termasuklah tiket penerbangan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan perbelanjaan runcit yang lain. Perbelanjaan ini juga akan memberi manfaat dalam bentuk pendapatan kepada pengusaha hotel, teksi, bas, restoran, kedai serbaneka, usahawan kraftangan dan lain-lain.

Pendapatan yang diperolehi dari penganjuran program ini baik dari perbelanjaan kerajaan atau perbelanjaan persendirian peserta dan pengunjung akan membantu pihak syarikat tempatan mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk menggaji pekerja dan menanggung kos operasi mereka serta meneruskan dan mengembangkan perniagaan masing-masing dalam industri pelancongan.

Syarikat-syarikat ini kemudiannya akan memberi sumbangan semula atau pendapatan balik kepada kerajaan dalam bentuk cukai taksiran, lesen perniagaan, cukai pendapatan, cukai perniagaan dan lain-lain.

Prestasi ekosistem perniagaan yang baik, stabil dan berkembang sudah pasti akan menggalakan pelaburan baru dalam industri pelancongan tempatan dan menyumbang kepada tambahan pendapatan akan datang kepada kerajaan. Selain impak ekonomi, impak sosial juga penting dalam membentuk rasa cinta, bangga dan menghargai kepelbagaian dan keharmonian seni dan budaya di kalangan rakyat khususnya peringkat remaja lagi.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media**
**Unit Komunikasi Korporat,**
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.